

AMALAN SOGIT DALAM MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI KAMPUNG TUARID LIAWAN KENINGAU SABAH: ANALISIS TERHADAP PERUBAHAN PENGAMALAN RITUAL

THE SOGIT PRACTICE AMONG THE KADAZANDUSUN COMMUNITY IN KG TUARID LIAWAN KENINGAU SABAH: AN ANALYSIS ON CHANGES OF RITUAL PRACTICES

Syamsul Azizul Marinsah^{1*}
Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin^{2*}
Abang Mohd Razif Abang Muis³
Irma Wani Othman⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: syamsulazizul@ums.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mel: mnhidayath_h@ums.edu.my)

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mel; amrazif@ums.edu.my)

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mel: irma@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021

Revised date : 16-08-2021

Accepted date : 30-09-2021

Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Marinsah, S. A., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., & Othman, I. W. (2021). Amalan Sogit Dalam Masyarakat Kadazandusun Di Kampung Tuarid Liawan Keningau Sabah: Analisis Terhadap Perubahan Pengamalan Ritual. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 61 - 72.

Abstrak: Setiap bangsa di dunia mempunyai suatu set adat tradisi yang diamalkan sejak sekian lama. Namun akibat daripada peredaran zaman, pengamalan terhadap adat-adat tersebut mengalami penyusutan dan perubahan yang disebabkan oleh beberapa faktor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perubahan pelaksanaan amalan ritual sogit di Kampung Tuarid Liawan Keningau Sabah. Sogit secara mudahnya dapat dikonsepskan sebagai satu set hukuman yang dikenakan kepada pesalah adat dalam budaya Kadazandusun di Sabah. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temubual. Hasil kajian mendapati, ritual adat sogit di Kg. Tuarid Liawan Keningau Sabah telah berlaku perubahan pengamalan dalam beberapa aspek antaranya perubahan pengertian terhadap istilah sogit, perubahan persepsi masyarakat kampung terhadap ritual sogit dan perubahan pihak yang mengendalikan kes sogit.

Kata Kunci: Kadazandusun, Perubahan, Pengamalan, Sogit, Ritual

Abstract: *Every religion in the world has their own set of tradition that has been practiced since years ago. However, as the era passes by, the practices of those traditions has experience dramatically changes due to various factors including information communication and technology. Therefore, this study's objective is to identify those factors that could be influencer to the sogit ritual practices in Kampung Tuarid Liawan Keningau. The sogit ritual is a set of punishments imposed to traditions violators in the Kadazandusun's culture of Sabah. In order to get insight of the changes, this study make use qualitative method and the source of data are from interviews sessions. The findings of this study shows that there are few changes in the practices of sogit such as the definition of sogit itself, changes in the perspectives of villagers towards the definition of sogit and changes in the person responsible for sogit ritual.*

Keywords: *Changes, Kadazandusun, Sogit, Practices, Ritual*

Pengenalan

Secara umumnya, wacana budaya sering mencatatkan perihal sesebuah kelompok masyarakat yang menghadapi perubahan pada setiap aspek kehidupan mereka. Menurut Ismail Hamid (1998), budaya ialah amalan dan kelaziman yang dilakukan seharian, merangkumi bahasa, dialek, kepercayaan, pengetahuan, etika, adat istiadat, sistem politik, kesusasteraan dan seumpamanya. Dalam erti kata lain, identiti budaya boleh diibaratkan sebagai jati diri seseorang individu yang merangkumi aspek-aspek sejarah, sistem agama dan kepercayaan, adat resam dan amalan, norma-norma dan sebagainya (Syamsul Azizul, 2013). Menurut Hairudin Harun (2006), budaya sesuatu kelompok masyarakat itu boleh mengalami perubahan ekoran daripada kedatangan pengaruh kebudayaan luar, lalu menjalani proses pengasimilasian ataupun pengakulturasian secara semulajadi tanpa disedari. Dasawarsa ini, kebudayaan luar boleh mempengaruhi minda masyarakat dengan lebih cepat menerusi kemajuan teknologi media komunikasi dan sosial (Sohana Abdul Hamid, 2016). Kemajuan teknologi komunikasi yang dicapai oleh manusia pada hari ini telah membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk berlakunya pengasimilasian dan pengakulturasian budaya.

Sehubungan itu, masyarakat Kadazandusun di Sabah kaya dengan pelbagai khazanah warisan silam sama ada dalam bentuk legasi kebendaan mahupun bukan kebendaan. Etnik ini merupakan etnik majoriti di Sabah yang dipercayai telah bermula daripada sebuah kawasan yang dikenali sebagai *Nunuk Ragang* (Low Kok On, 2005). Menurut dapatan sejarawan dan saintis sosial, dipercayai etnik Kadazandusun berasal daripada rumpun Mongol (Low Kok On, 2004; Bennedict Topin 1981; *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999). Sejak sedekad yang lalu sehingga marcapada, budaya masyarakat Kadazandusun di Sabah masih terpelihara dan terus terlestari dalam kehidupan etnik ini. Hal ini terbukti, apabila pada tahun 2014 organisasi peringkat dunia iaitu *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah memberi pengiktirafan peringkat dunia terhadap adat kematian masyarakat Kadazandun di Sabah sebagai satu adat rasmi yang menjadi warisan dunia (Bidder et al., 2014), malah sebelum itu pada tahun 2004, UNESCO juga mengiktiraf masyarakat Kadazandusun di Sabah sebagai penduduk asli yang menetap di Borneo Utara (Minah Sintian, 2018). Berdasarkan kepada pengiktirafan ini, kebudayaan masyarakat Kadazandusun di Sabah, menjadi subjek kajian yang sangat menarik untuk dikaji terutamanya dalam aspek adat dan budaya. Salah satu budaya tersebut adalah pengamalan ritual adat *sogit*.

Secara mudahnya, *sogit* adalah hukuman yang dikenakan kepada masyarakat Kadazandusun yang telah melakukan pelanggaran adat tidak kira sama ada pelanggaran tersebut kecil ataupun besar (Mosli Tarsat, 2007). Menurut kaedah yang ditunjukkan oleh Mahkamah Anak Negeri dalam Undang-undang Adat Anak Negeri (1995), *sogit* adalah suatu hukuman berdarah yang mesti dibayar oleh pesalah adat. Hukuman berdarah bermaksud *sogit* harus dibayar dalam bentuk binatang ternakan yang berdarah seperti kerbau, babi, kambing, ataupun ayam (Pg Ismail Pg Musa, 2005). Manakala dari aspek bahasa pula, *sogit* berasal daripada perkataan Kadazandusun iaitu *osogit* yang bermaksud sejuk ataupun menyejukkan (Low Kok On, 2005). Menurut Arena Wati (1978), konsep *osogit*, berlawanan dengan konsep *alasu* yang bermaksud panas. *Alasu* akan terjadi apabila berlaku pelanggaran adat dalam sesebuah kampung bagi meredakan keadaan panas tersebut. Ringkasnya, *sogit* dalam masyarakat Kadazandusun merujuk kepada satu set hukuman yang dikenakan kepada seseorang yang melanggar adat untuk mengembalikan keseimbangan, keamanan, kedamaian dan keharmonian kepada masyarakat serta sebagai satu tanda untuk menghargai hasil pertolongan seseorang kepada individu yang meminta pertolongan (Syamsul Azizul, 2020).

Secara tradisinya, pelaksanaan *sogit* ini melibatkan suatu upacara yang khusus dan diketuai oleh seseorang yang arif dalam ilmu kerohanian iaitu *bobolian*. Namun begitu, sejajar dengan peredaran zaman, bentuk pelaksanaan amalan tradisi *sogit* ini sedikit sebanyak telah mengalami perubahan. Justeru itu, artikel ini cuba mengenalpasti perubahan pengamalan adat ritual *sogit* di Kampung Tuarid Liawan Keningau Sabah.

Sorotan Literatur

Berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap beberapa penulisan yang berkait rapat budaya masyarakat Kadazandusun di Sabah, pengkaji mendapati masih kurang perbincangan yang holistik mengenai perubahan pengamalan ritual *sogit* masyarakat Kadazandusun di Sabah. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa penyelidikan mengenai etnik ini telah lama dilakukan sama ada dalam penyelidikan sarjana barat mahu pun tempatan. Kajian lepas banyak membincangkan perubahan budaya Kadazandusun secara umum. Kajian awal yang berkaitan budaya masyarakat Kadazandusun di Sabah dapat ditemui dalam artikel Suraya Sintang (2003). Menurut beliau, masyarakat Kadazandusun di Sabah menjadi semakin kompleks apabila berlakunya beberapa perubahan budaya yang disebabkan oleh pengadaptasian mereka terhadap ekosistem yang berbeza kerana kemasukan budaya asing di Sabah seperti budaya yang dibawa oleh masyarakat Cina. Walaubagaimanapun, kajian beliau ini lebih berfokus kepada faktor-faktor penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Penjelasan yang sama terhadap faktor perubahan budaya masyarakat Kadazandusun turut dapat dilihat dalam kajian Saif @ Saifuddin (1993). Menurut beliau, kedatangan budaya asing seperti Cina, Islam dan Barat, telah banyak mempengaruhi kebudayaan masyarakat Kadazandusun dalam aspek kepercayaan, pendidikan, pertanian, pemilikan tanah dan bentuk seni bina rumah.

Seterusnya dalam kajian Dayu Sansalu (2002), menunjukkan bahawa faktor lain selain daripada agama iaitu perkembangan dalam sektor pendidikan juga memberikan impak perubahan terhadap pengamalan adat tradisi masyarakat Kadazandusun Sabah. Pada masa yang sama, terdapat juga kajian lepas yang mengkaji perubahan budaya masyarakat Kadazandusun dari aspek linguistik dan dialek. Kajian seperti ini dapat dilihat dalam Minah Sintian (2015), Minah Sintian (2018), Lydia Tumin (2008) dan Ester Jawing (2006).

Selain itu, antara pengkaji yang pernah membuat kajian yang menyentuh secara khusus isu *sogit* dalam budaya Kadazandusun antaranya Feaddora Janne Rinus (2018), Pg. Ismail Pg Musa (2018), Syamsul Azizul (2020) dan Abdul Hair (2020). Dalam kesemua kajian yang dinyatakan, kajian yang dilakukan oleh Feaddora Janne Rinus merupakan sumber teori yang menjadi kajian lanjutan kepada pengkaji untuk melakukan kajian yang lebih terperinci berhubung perubahan amalan ritual *sogit*. Kajian Feaddora memberi fokus kepada perubahan pengamalan *sogit* di Kg. Sahindai Ranau Sabah. Sehubungan itu, kajian *sogit* dalam ruang lingkup yang berbeza telah dilakukan oleh Pg Ismail Pg Musa. Beliau cuba menganalisis amalan *sogit* ke atas anak negeri Sabah yang beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri menurut perspektif Islam.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Syamsul Azizul (2020) pula ialah berhubung amalan *sogit* yang mengalami perubahan khususnya dalam pengamalan mantera yang masih diamalkan oleh *Bobolian* (rahib wanita dalam tradisi kebudayaan Kadazandusun) di Sabah. Hasil kajian beliau mendapati, kandungan mantera yang wujud dalam ritual *sogit* memperlihatkan invocasi masyarakat Kadazandusun khususnya *Bobolian* kepada makhluk-makhluk supernatural. Kajian seumpama ini juga pernah dilakukan oleh beliau dalam membuat tinjauan secara umum konsep *sogit* dalam amalan Kadazandusun di Sabah. Dalam konteks yang berbeza, kajian Abdul Hair (2020) pula cuba mengangkat peranan *Sogit* bagi membentuk etika hubungan antara masyarakat Kadazandusun dengan alam sekitar.

Ringkasnya, penyelidikan berhubung masyarakat Kadazandusun di Sabah banyak menyingkap tentang perbincangan etnografi, linguistik dan penyelidikan antropologi. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kelompangan kajian yang masih belum disentuh oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini terutamanya dalam amalan ritual *sogit*.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Justeru, pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data. Pertama, melalui temu bual dan kedua melalui sumber sekunder dari bahan-bahan kepustakaan. Menurut Mohd Shaffie (1991), metode perpustakaan penting bagi tujuan mendapatkan informasi dan maklumat yang sahih dan tepat daripada sumber sekunder yang terdapat di perpustakaan. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam memperoleh maklumat berkenaan konsep *sogit*, istilah *sogit*, adat *sogit* dan seumpamanya.

Selain itu, pengkaji telah menjalankan kaedah temubual terhadap informan-informan berbangsa Kadazandusun dalam kajian ini. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temubual berstruktur dan separa berstruktur. Hal ini demikian kerana menurut Marriem (1998), temubual berstruktur sangat penting untuk mendapatkan maklumat informan seperti umur, jantina, asal, pekerjaan tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temubual separa berstruktur lebih bersifat fleksibel, justeru keadaan ini mebolehkan responden untuk menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Segala data yang diperolehi menerusi kaedah temubual akan dimuatkan dalam kajian ini. Informan-informan yang menjadi rujukan pengkaji dapat disenaraikan seperti berikut;

- a. Encik Robert Clits Bin Gajin. 59 Tahun. Pengamal *sogit* tradisi dan merangkap Ketua Kampung Tuarid Liawan Keningau. (9 Oktober 2020).
- b. Encik Razak Mulkiaman. Ketua Kampung Purakogis Keningau. (9 Oktober 2020).
- c. Encik Manan Bin Badin. 70 tahun. Lebih dikenali sebagai Aki Manan. Beliau merupakan pengamal budaya masyarakat Kadazandusun Tuhawon (*bobolian* suku Tuhawon) dan mahir dalam ilmu perubatan tradisional kampung. Beliau pernah

- membuat persembahan budaya etnik Dusun Tuhawon peringkat antarabangsa di Jakarta Indonesia. Kampung Bahab Ranau. (7 Oktober 2020).
- d. Mahkamah Anak Negeri Keningau. (18 September 2020).
- e. Mahkamah Anak Negeri Ranau. (17 September 2020).

Hasil Kajian

Dalam kajian ini, dapatan kajian pengkaji dapat disimpulkan kepada 3 aspek perubahan. Berikut merupakan dapatan terperinci kajian ini;

a. Perubahan dari Aspek Makna Sebenarnya *Sogit* dan Denda dari Perspektif Masyarakat Kadazandusun di Kampung Tuarid Liawan Keningau.

Perubahan yang berlaku pada pengamalan adat *sogit* sudah pun bermula sejak sekian lama, iaitu sejak Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) mula mengambil alih pentadbiran Borneo Utara menjelang akhir abad yang ke 19 (Mat Zin Mat Kib, 2003). Perubahan pertama yang berlaku dapat dilihat sendiri terhadap pengertian istilah *sogit*. Pada hari ini, '*sogit*' telah disama ertikan dengan 'denda'. Pada dasarnya, ramai ahli akademik pada hari ini telah mempersetujui akan hal tersebut. Tetapi menurut perspektif masyarakat Kadazandusun kampung Tuarid Liawan Keningau, '*sogit*' dan 'denda' adalah dua istilah yang berbeza.

Antara sebab yang membawa kepada penyamaan erti kedua istilah ini berlaku ialah apabila wujud badan-badan kehakiman yang bertanggungjawab menyelia kes-kes pelanggaran adat masyarakat Kadazandusun. Badan kehakiman tersebut adalah seperti Mahkamah Anak Negeri dan Jabatan Hel Ehwat Agama Islam Negeri Sabah. Pada peringkat yang lebih formal, ianya tidak lagi disebut sebagai *sogit*, tetapi diganti kepada denda adat, hukum adat ataupun undang-undang adat (Undang-Undang Adat Mahkamah Anak Negeri, 1995). Menurut Robert Clits (2020), '*sogit*' dan 'denda' adalah dua istilah yang berbeza sekiranya *sogit* dilihat daripada perspektif adat tradisi. '*Sogit*' mempunyai nilai cita rasa tradisi yang tersendiri manakala perkataan 'denda' pula tidak membawa atau menggambarkan nilai kebudayaan masyarakat Kadazandusun, malah ianya merupakan suatu elemen yang telah diperbaharui daripada *sogit* itu. Tambahnya, terdapat banyak aspek perbezaan yang ketara di antara istilah *sogit* dan denda. Perbezaan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Perbezaan di antara Istilah *Sogit* dan Denda.

Bil	<i>Sogit</i>	Denda
1	Melibatkan darah binatang korban iaitu, binatang ternakan berkaki empat seperti kerbau, sapi, lembu dan kambing. Selain daripada itu juga, boleh melibatkan binatang ternakan berkaki dua (unggas) seperti ayam dan itik.	Tidak melibatkan darah binatang korban. Pesalah hanya perlu membayar denda berupa sejumlah wang ringgit yang telah ditetapkan.
2	<i>Sogit</i> binatang ternakan maksimum adalah sebanyak tujuh ekor binatang ternakan.	Kadar denda tidak boleh melebihi RM 5000.00

3	Melibatkan campur tangan <i>bobolian</i> untuk menenangkan semangat pihak yang terkilan, keluarga, penduduk kampung dan alam semula jadi.	Bagi pesalah bukan penganut agama Islam akan dibicarakan dibawah bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri (MAN). Manakala bagi pesalah yang beragama Islam akan diadili dibawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JAHEINS). (MAN Keningau, 2020)
4	Melibatkan pembacaan <i>rinait</i> oleh <i>bobolian</i> .	Tidak melibatkan sebarang pembacaan <i>rinait</i> dalam menentukan kadar denda.

Sumber: Sesi Temubual Bersama Informan (Robert Clits, 2020).

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapat diperhatikan beberapa perbezaan pemahaman diantara istilah ‘*sogit*’ dan juga ‘denda’. Perkataan ‘*sogit*’ itu menggalas suatu makna budaya yang hanya dapat difahami secara tepat oleh masyarakatnya. Sedangkan perkataan ‘denda’ ataupun ‘denda adat’ adalah suatu istilah moden yang diperbaharui daripada ‘*sogit*’ semasa SBBUB mengambil alih pentadbiran di Borneo Utara.

Penyempitan makna *sogit* ini jelas berlaku apabila masyarakat hanya memahaminya sebagai suatu ‘penalti adat’. Malah, jika dikaji secara lebih lanjut *sogit* ini hampir memenuhi segenap kehidupan masyarakat Kadazandusun. Sebagai contoh, *sogit* juga diamalkan di dalam upacara kematian (*sogit* kerbau kepada si mati) (Arena Wati, 1978). Dalam konteks yang hampir sama, *sogit* juga diamalkan di dalam upacara pembukaan tanah baru (*sogit* haiwan ternakan kepada penunggu tanah) (Minah Sintian, 2012; Hanaffi Hussin, 2005). Selain itu, *sogit* juga diamalkan dalam memeterai perjanjian (upacara menagal sungai) (Jurry Foo, 2011). Dalam konteks yang umum (hubungan sosial), *sogit* juga diamalkan di dalam usaha mendamaikan dua belah pihak yang bergaduh (*sogit pibabasan*) (Fardy Bunga, 2019). Berdasarkan pengamalan *sogit* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun ini, secara tradisinya adalah tepat *sogit* ini disama ertikan dengan ‘denda’. Hal ini jelas menunjukkan bahawa istilah ‘denda’ merujuk kepada ‘*sogit*’ (dari perspektif moden dan formal) yang menyebabkan berlaku penyusutan istilah kepada *sogit* itu sendiri.

b. Perubahan Nilai Estetika *Sogit* dari Perspektif Penduduk Kampung.

Nilai estetika yang ada pada *sogit* perlu dirujuk daripada dua aspek pengertian, kerana pengertian ‘estetika’ merujuk kepada suatu makna yang terlalu luas. Pengertian yang pertama adalah daripada sudut budaya ataupun cita rasa, manakala pengertian yang kedua daripada sudut agama. Hal ini demikian kerana, amalan *sogit* itu lebih cenderung kepada dua aspek ini berbanding aspek yang lain. Estetika berasal daripada perkataan bahasa Yunani Kuno iaitu *aesthesis* yang bermaksud persepsi ataupun pandangan (F. budi Hadirman, 2004). Estetika terbahagi kepada dua bahagian iaitu estetika material (keindahan yang terdapat pada sebuah benda) dan estetika immaterial (keindahan yang terdapat dalam idea, imaginasi, inspirasi, pemikiran, sastera, sejarah, mitos, lagenda) (Jim Supangkat, 2006). Menurut Benedetto Croce yang merupakan seorang ahli falsafah dalam bidang kesusasteraan menjelaskan bahawa makna estetika yang paling hampir adalah kesenian (Leo Paramadita, 2005). Sungguhpun begitu, makna estetika yang lebih tepat bagi ‘*sogit*’ perlu dilihat dari sudut budaya dan agama kerana cita rasa yang ada pada sesebuah budaya itu sering dipengaruhi oleh agama.

Seperti yang dijelaskan oleh Made Saihu (2019) dan Abdul Hadi W. M (2004) estetika ataupun nilai keindahan yang melekat pada budaya adalah jalan kerohanian menuju tuhan. Estetika yang ada pada agama Islam misalnya, dijelaskan oleh Abdul Hadi W. M (2004), estetika Islam mencakupi makna yang sangat luas yang bertujuan untuk memupuk solidariti sosial bermula daripada keindahan sastera, sejarah, pemikiran dan budaya hidup, yang akhirnya membawa penganutnya kepada penciptanya.

Dalam pengamalan *sogit* ini, nilai estetika ataupun cita rasa masyarakat Kadazandusun terhadap pengamalannya boleh dikenalpasti dengan menelusuri sejarah asal usul pengamalan *sogit* ini. Menurut En. Robert Clits (2020), antara nilai estetika yang terdapat pada adat ini ialah berkaitan dengan asal-usul penerimaan adat *sogit* tersebut. Menurut beliau, adat ini diterima daripada seorang dewa perempuan (Huminodun), yang telah memilih seorang perempuan daripada kalangan masyarakat Kadazandusun untuk diajarkan ilmu-ilmu kebomohan termasuklah ilmu *sogit* melalui perantaraan mimpi. Bahasa yang dituturkan oleh dewa perempuan tersebut kepada *bobolian* adalah bahasa kudus yang sangat sukar untuk difahami. Low Kok On & Azlan Shaffie (2014) menjelaskan bahawa bahasa tersebut adalah bahasa *Osundu* iaitu bahasa ketuhanan yang hanya akan dapat difahami oleh individu yang mempunyai kepakaran seperti *bobolian* ataupun memiliki ilmu kerohanian.

Sejarah penurunan ilmu kerohanian ini adalah sesuatu yang sangat berharga bagi masyarakat Kadazandusun. Mungkin bagi sesetengah golongan akan menganggapnya sebagai suatu mitos, dongeng, lagenda, hikayat dan seumpamanya. Tetapi dari perpektif masyarakat Kadazandusun itu sendiri menganggap bahawa ini adalah sesuatu yang benar-benar berlaku diantara mereka dengan tuhan mereka. Perubahan cita rasa terhadap pengamalan *sogit* ini turut berlaku di Kampung Tuarid Liawan Keningau bermula apabila telah banyak penduduk kampung disitu yang berkahwin campur dengan masyarakat yang berlainan agama seperti agama Islam dan Kristian (En. Robert Clits, 2020). Dalam keluarga tersebut didapati ibu bapa masih mengamalkan kepercayaan pagan atau animisme, manakala anak-anak telah berkahwin campur dengan individu yang beragama Islam dan Kristian. Penganutan agama Islam dan Kristian ini sedikit sebanyak telah merubah nilai estetika *sogit* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Kampung Tuarid Liawan Keningau, kepada hanya sekadar denda semata-mata. Hal ini demikian kerana, khususnya yang beragama Islam tidak lagi mengamalkan *sogit-sogit* tradisi yang bercanggahan dengan tauhid Islam.

c. Perubahan Pengendalian Kes-Kes Sogit.

Perubahan turut berlaku di dalam pengendalian kes-kes *sogit*. Pengendalian kes *sogit* ini pada awalnya dikendalikan oleh seorang *bobolian* yang merupakan individu yang memiliki kepakaran dalam ilmu kerohanian (Hanafi Hussien, 2004). Namun pada hari ini, hakikatnya peranan *bobolian* sebagai seorang individu yang pakar dalam selok belok adat semakin menampakkan penyusutan. Walaupun pengkaji tidak menafikan di sesetengah kawasan kampung, masih mengutamakan kebolehan *bobolian* ini dalam menguruskan permasalahan dalam sesebuah kampung seperti Kampung Balisok Ranau, Kampung Nunuk Ragang Ranau, Kampung Kiau Ranau, Kampung Bundu Tuhan Ranau, Kampung Dudar dan Kampung Toburan Kota Belud. Misalnya, baru-baru ini di daerah Kota Belud pada 31 Oktober 2020 dan 7 November 2020, bertempat di Dewan Masyarakat Kampung Dudar, telah diadakan satu upacara *Monogit Pomogunan* yang telah dihadiri seramai 14 orang *bobolian* bagi melindungi masyarakat kampung daripada malapetaka khususnya memohon keselamatan penduduk kampung daripada wabak Covid-19 (Yompok Guntarak, 2020). Oleh yang demikian, di

sesetengah kawasan kampung, masih mengekalkan khidmat dan peranan *bobolian* ini. Sungguhpun begitu, megikut keterangan daripada En. Robert Clits (2020) pengendalian kes-kes sogit di kampung Tuarid Liawan Keningau adalah seperti yang berikut;

1. Pengendalian kes oleh Ketua Kampung, Pegawai Daerah, Mahkamah Anak Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah.

Kesalahan adat yang berlaku di peringkat kampung seboleh-bolehnya akan diselesaikan di peringkat kampung, dengan diadili oleh Ketua Kampung. Sekiranya jalan penyelesaian yang dianjurkan oleh Ketua Kampung dipersetujui oleh kedua belah pihak iaitu pihak yang menganiaya dengan pihak yang dianiaya maka kes tersebut dianggap selesai. Bagi kesalahan yang lebih rumit, umpamanya pencerobohan kawasan pertanian yang mengakibatkan si pemilik menanggung kos kerugian, perkara ini akan dirujuk kepada pihak pegawai daerah. Sekiranya jalan penyelesaian yang dianjurkan oleh pegawai daerah dipersetujui oleh kedua-dua pihak maka kes dianggap selesai. Dapat dilihat bahawa ianya tidak melibatkan peranan *bobolian* sebagai pengendali kes.

Bagi sesetengah kesalahan, kadangkala pihak yang bersalah perlu mengeluarkan *sogit* binatang ternakan. *Sogit* tersebut perlu diberikan kepada ketua kampung untuk diagihkan kepada penduduk kampung bagi mengelakkan daripada terkena *sogit* kepanasan kampung. Dalam hal ini, pesalah tidak boleh menukarkan *sogit* kepada denda berbentuk wang ringgit. Walaubagaimanapun pihak yang bersalah boleh mengemukakan permohonan kepada ketua kampung untuk ditukarkan ke dalam bentuk denda. Sekiranya pesalah masih tidak mampu untuk membayar salah satu diantara *sogit* mahupun denda, maka kes ini akan diajukan kepada pihak Mahkamah Anak Negeri. Pihak Mahkamah Anak Negeri berhak menjatuhkan hukuman penjara kepada pesalah adat. Sungguhpun begitu, tempoh hukuman penjara ini tidak melebihi 7 hari.

Menurut En. Robert Clits (2020), setelah pesalah adat tersebut selesai menjalani tempoh hukuman penjara selama 7 hari, individu tersebut masih terikat dengan pembayaran *sogit* atau denda kepada pihak yang teraniaya. Kewajipan untuk mengeluarkan *sogit* ataupun denda kepada pihak yang teraniaya masih tetap berkekalan. Perkaranya inilah yang dimaksudkan bahawa *sogit* itu bertujuan untuk melindungi hak dan kebajikan pihak yang teraniaya. Dari sudut tradisinya, perasaan terkilan yang dihadapi oleh pihak yang dianiaya perlu disogitkan. Sekiranya pihak yang bersalah masih belum dapat menyelesaikan *sogit* ataupun denda kepada pihak yang teraniaya, maka kes beliau akan dirujuk semula kepada pihak Mahkamah Anak Negeri untuk menjalani hukuman penjara selama tidak lebih daripada 7 hari. Keadaan ini akan berterusan sehinggalah pihak yang bersalah dapat menyelesaikan *sogit* ataupun denda tersebut.

Perubahan dapat dilihat dalam konteks semasa apabila *bobolian* tidak lagi mengendalikan kes-kes berkenaan *sogit* dalam perspektif denda moden. Pengalihan peranan *bobolian* kepada pihak Mahkamah Anak Negeri dalam mengendalikan kes-kes *sogit* ini juga disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor peralihan tersebut adalah seperti berikut;

Jadual 2: Faktor Peralihan Pengendalian Kes Oleh *Bobolian* Kepada Pihak Mahkamah Anak Negeri

Bil	Faktor	Huraian
1.	Kesukaran untuk mendapatkan binatang ternak.	<p>Kesukaran tersebut, menyebabkan masyarakat lebih memilih untuk menggantikan <i>sogit</i> kepada pembayaran denda, secara tidak langsung kes tersebut beralih kepada bidang kuasa MAN. (Robert Clists, 2020; MAN Keningau, 2020)</p> <p>Sebelum <i>sogit</i> ditukar kepada pembayaran denda, pesalah adat dikehendaki mengemukakan rayuan terlebih dahulu, sama ada kepada ketua kampung ataupun pegawai daerah. (Robert Clists, 2020)</p>
2.	Kadar denda adalah lebih rendah berbanding kadar <i>sogit</i> binatang ternakan.	<p>Minima <i>sogit</i> adalah melibatkan seekor binatang ternakan iaitu kerbau. Maksimum <i>sogit</i> adalah tujuh ekor kerbau, yang melibatkan kesalahan yang besar. (Mosli Tarsat, 2007)</p> <p>Harga pasaran bagi seekor kerbau yang berumur 1 tahun setengah adalah RM3500.00. Sekiranya seseorang itu dikenakan <i>sogit</i> dua ekor kerbau, maka jumlah <i>sogitnya</i> dari nilai wang ringgit adalah RM 7000.00. (Robert Clists, 2020)</p> <p>Sedangkan kadar denda MAN yang dikenakan kepada pesalah adat tidak melebihi RM 5000.00. (MAN Keningau, 2020)</p>
3.	Proses penentuan kadar <i>sogit</i> yang dianggap kurang tepat.	<p>Sebelum pesalah diberitahu mengenai <i>sogitnya</i>. <i>Bobolian</i> akan berdoa melalui sebuah ritual kepada <i>komburongoh</i>. <i>Komburongoh</i>lah yang akan memaklumkan kepada <i>bobolian</i> mengenai haiwan serta jumlah haiwan, yang perlu disogitkan oleh pesalah adat tersebut. Setelah <i>bobolian</i> berdoa kepada <i>komburongoh</i>, <i>bobolian</i> akan tidur sejenak, kerana <i>komburongoh</i> akan memaklumkan mengenai hal tersebut kepada <i>bobolian</i> melalui mimpi.</p> <p>Setelah <i>bobolian</i> mengkhabarkan <i>sogitnya</i> kepada pesalah adat. Pesalah adat perlu akur dan membayarnya.</p>

Sumber: Sesi temubual bersama informan

Kesimpulan

Konklusinya, *sogit* adalah amalan tradisi masyarakat kadazandusun di Sabah yang telah mengalami perubahan sejajar dengan peredaran masa. Perubahan tersebut jelas berlaku di dalam tiga aspek yang telah dibincangkan iaitu perubahan pengertian istilah, perubahan persepsi atau citarasa dan perubahan pihak yang mengendalikan kes-kes *sogit*. Sehubungan itu, masyarakat Kadazandusun merupakan salah satu etnik yang memiliki keunikan budaya, kajian-kajian seumpama ini amat penting dan wajar untuk dijalankan kerana bertujuan untuk mengekalkan dan memelihara identiti masyarakat Kadazandusun yang diwartakan sebagai masyarakat asli di Borneo Utara.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS0524-1/2019) yang telah membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Arena Wati. (1978). *Dusun satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Abdul Hair Beddu Asis., Syamsul Azizul Marinsah., Abg Razif Abang Muis., & Mohd Taqwuddin Mohd Yazid. (2020). Konsep amalan *sogit* dalam kalangan masyarakat kadazandusun di sabah ke arah pembentukan model pengurusan alam sekitar lestari. In *Budaya etnik serumpun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Bidder, C., S. Kibat., & S. Saien. (2014). Mount Kinabalu: The sacred emblem of the first UNESCO World Heritage Site on Borneo. *Tourism, Leisure and Global Change*. 1, 1-9.
- Dayu Sansalu. (2002). *Pendidikan dan proses pemodenan masyarakat peribumi rumpun dusun bukan Islam di Sabah (1881-1967)*. (Thesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu*. (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from https://books.google.com.sg/books?id=I_FRAQAAMAAJ&q=ensiklopedia+sejarah+dan+kebudayaan+melayu+dusun&dq.
- Ester Jawing. (2006). *Language shift in a majority ethnolinguistic speech group: A case study of Kadazandusun families in Sabah*. (Thesis). Universiti Malaysia Sarawak: Faculty of Cognitive Sciences and Human Development.
- Budi Hadirman. (2004). *Filosafat Modern: Dari Machiavelli sampai Nietzsche*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Fardy Bunga. (2019, March 17). *Sogit pibabasan selesai perselisihan faham*. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/434738/sogit-pibabasan-selesai-perselisihan-faham>.
- Feaddora Janne Rinus. (2018). *Perubahan pelaksanaan amalan adat Sogit dalam masyarakat Dusun di Kg. Sagindai Lama, Ranau Sabah*. (Tesis). Universiti Malaysia Sarawak: Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.
- Fontana, A., & Frey, J. (1994). Interviewing: The art of science. In N. Denzin., & Y. Lincoln (Ed), *Handbook of qualitative research* (pp. 361-376). Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.
- Hairudin Harun. (2006). *Kosmologi Melayu dalam era teknologi maklumat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Hussin. (2005). Ritual padi komuniti Kadazan dataran penampang Sabah. *Jati*. 10.

- Ismail Hamid. (1998). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jim Supangkat. (2006). *Ikatan silang budaya: Seni serat biranul anas*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Jurry Foo. (2011). Sistem tagal dalam industri pelancongan: Manfaat kepada komuniti. *Geografia*. 7 (1), 14-25.
- Leo Paramadia. (2005). *Teks-teks kunci estetika: Filsafat seni*. Indonesia: Galangpress Group.
- Low Kok On. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazandusun*. (Thesis Doktor Falsafah) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Low Kok On. (2004). Asal usul orang Kadazandusun: Satu pertimbangan semula daripada sumber lisan. In. Mohd Sarim (Ed), *Warisan budaya Sabah etnisiti dan masyarakat*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- Low Kok On., & Azlan Shaffie Abdullah. (2014). Bbahul dan hubungannya dengan kepercayaan bberuhui etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan*. 21 (1), 73-102.
- Lydia Tumin. (2008). *Language attitudes of Kadazandusun people toward their mother tongue*. (Thesis). Universiti Malaysia Sarawak: Faculty of Cognitive Science and Human Development.
- Merriem. S. B. (1998) (2thed). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Minah Sintian. (2012). Mantera atau rinait Kadazandusun: *Tinjauan dalam aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan*. (Conference paper). Terbitan bersama Universiti Sains Malaysia & Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Minah Sintian. (2015). Penggunaan slanga dalam kalangan pelajar Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Conference Paper). Universiti Putra Malaysia.
- Minah Sintian. (2018). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah*. (Thesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia.
- Minah Sintian., Julita., Ani Omar., & Siti Nor Amalina. (2018). Kearifan lokal masyarakat Kadazandusun dalam pertanian membantu pelestarian alam. (e-Prosiding Paper) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Shaffie. (1991) (2thed). *Metodologi penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mosli Tarsat. (2007). *Institusi pentadbiran peribumi: Satu kajian mengenai ketua anak negeri di Sabah 1946-1990*. (Thesis Ijazah Sarjana) Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial.
- Palton. M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and reasearch methods*. London: Sage Publications.
- Pg Ismail Pg Musa., Siti Zubaidan., Ismail., & Narizan Abdul Rahman. (2018). Amalan *sogit* ke atas anak negeri Sabah beragama Islam di mahkamah anak negeri: Kajian dari perspektif hukum. (*Islam dan masyarakat kontemporari*). 19, 1-17.
- Raymond Boin Tombung. (1997). Sedikit tentang masyarakat Dusun dan kesusasteraannya. In Shamsuddin Jaafar (Ed). *Sastera dalam masyarakat majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saif @ Saifuddin Hj. Daud. (1993). Transformasi sosial menerusi islamisasi: *Satu kajian kes di kalangan orang Dusun/Kadazan di Ranau Sabah*. (Thesis Ijazah Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 1, 214-226.

- Suraya Sintang. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. (*Usuluddin*). (18), 59-80
- Syamsul Azizul Marinsah. (2013). Amalan tradisi dalam masyarakat Bajau di Semporna Sabah: *Analisis dari perspektif 'urf dalam hukum*. (Thesis Ijazah Sarjana). Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Syamsul Azizul Marinsah., Mohd Firdaus Hasmin., Abdul Hair Beddu Asis., Abg Razif Abang Muis., & Mohd Anuar Ramli. (2020). Amalan sogit dalam kalangan masyarakat kadazandusun di Sabah: Satu analisis awal. In *Budaya Etnik Serumpun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Syamsul Azizul Marinsah., Suraya Sintang., Abdul Hair Beddu Asis., Abg Mohd Razif Abg Muis., & Mohd Anuar Ramli. (2020). Incatation in sogit ritual: A preliminary study. *Pal Arch's*. PJAEE, 17 (7), 9386-9399.
- Topin., & Bennedict. (1981). Some aspects of Kadazandusun culture. *Sabah Society*. 4, 1969-1970.
- Undang-Undang Adat Anak Negeri Sabah*. (1995). Retrieved from <https://sagc.sabah.gov.my/?q=ms/content/native-courts-native-customary-laws-rules-1995>.
- Yompok Guntarak (2020). *Upacara monogit pomogunan Covid-19. Anjuran Tobisa dan Bobolian suku Tobilung*. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=Qc7f9X7GliM>.